

RUJ. KAMI (OUR REF.) : UMP.02/01/10.12/2 (15)
RUJ. TUAN (YOUR REF.) :

30 Mac 2010

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BIL.4 TAHUN 2010 :
PENETAPAN SYARAT KEPUJIAN BAHASA INGGERIS BAGI TUJUAN
PELANTIKAN JAWATAN BAHARU DAN PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN
STAF BUKAN AKADEMIK**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) ke-39 Bil. 3/2010 yang bermesyuarat pada 3 Mac 2010 telah bersetuju untuk memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris dikalangan semua staf di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

3. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran Bil.4 Tahun 2010 mengenai Penetapan Syarat Kepujian Bahasa Inggeris Bagi Tujuan Pelantikan Jawatan Baharu Dan Pengesahan Dalam Perkhidmatan Staf Bukan Akademik untuk makluman dan tindakan tuan/puan seterusnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(HARYANI BINTI ABDULLAH)

b.p Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

s.k

YH Dato' Naib Canselor

PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 4 TAHUN 2010

**PENETAPAN SYARAT KEPUJIAN BAHASA INGGERIS
BAGI TUJUAN PELANTIKAN JAWATAN BAHARU DAN PENGESAHAN
DALAM PERKHIDMATAN STAF BUKAN AKADEMIK**

TUJUAN

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Pihak Pengurusan Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengenai keperluan mendapat kepujian Bahasa Inggeris bagi semua urusan pelantikan jawatan baharu dan pengesahan dalam perkhidmatan.

LATARBELAKANG

2. Pihak Pengurusan Universiti Malaysia Pahang telah bersetuju untuk memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris dikalangan semua staf di Universiti Malaysia Pahang. Sehubungan itu, mulai tahun 2010 semua pelantikan bagi mengisi kekosongan jawatan baharu di Universiti Malaysia Pahang hendaklah diberi keutamaan kepada calon-calon yang mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

3. Bagi maksud pengesahan dalam perkhidmatan, semua staf dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dikehendaki melepasi tahap kecekapan Bahasa Inggeris dengan mendapat kelulusan *International English Language Testing System (IELTS)* atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya. Manakala staf Kumpulan Sokongan

(gred 17 hingga 29) dikehendaki menghadiri dan lulus dengan jayanya Kursus Bahasa Inggeris bagi memenuhi syarat pengesahan dalam perkhidmatan.

PELAKSANAAN

4. Dalam melaksanakan dasar memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris dikalangan staf Universiti Malaysia Pahang ini, syarat kelulusan dan kelayakan yang ditetapkan adalah seperti berikut:

4.1. Syarat Pelantikan Staf Baharu

4.1.1 Kumpulan Pengurusan dan Profesional

- (a). Mencapai kepujian sekurang-kurangnya C6 dalam Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.
- (b) Calon yang mendapat kelulusan *Malaysian University English Test (MUET)* dengan aras minimum 3 boleh dikecualikan mencapai kepujian Bahasa Inggeris (sekurang-kurangnya C6) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.
- (c) Selain syarat kelulusan Bahasa Inggeris, calon hendaklah mencapai Purata Himpunan Mata Nilai (CGPA) sekurang-kurangnya 3.00 pada peringkat Ijazah Sarjana Muda atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

4.1.2 Kumpulan Sokongan

- (a) Calon - calon bagi jawatan gred 17 – 29 dikehendaki memperolehi kepujian sekurang-kurangnya C6 dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.
- (b) Bagi klasifikasi perkhidmatan selain Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan (N) dan Perkhidmatan Sosial (S), syarat kepujian Bahasa Inggeris boleh dikecualikan

4.2 Syarat Pengesahan dalam Perkhidmatan

4.2.1 Kumpulan Pengurusan dan Profesional

- (a) Pegawai dalam tempoh percubaan dikehendaki menghadiri Kursus Persediaan Bahasa Inggeris yang dianjurkan oleh pihak universiti;
- (b) Pegawai juga dikehendaki mendapat kelulusan *International English Language Testing System (IELTS)* dengan aras minimum 5.0.

4.2.2 Kumpulan Sokongan

- (a) Pegawai dalam gred 17 hingga 29 dikehendaki hadir dan lulus dengan jayanya Kursus Kemahiran Bahasa Inggeris anjuran universiti bagi memenuhi syarat untuk pengesahan dalam perkhidmatan.

TANGGUNG JAWAB KETUA JABATAN

5. Ketua Jabatan hendaklah memastikan bahawa hanya staf yang menduduki peperiksaan *International English Language Testing System (IELTS)* bagi kali pertama dibenarkan membuat tuntutan yuran peperiksaan. Tuntutan hendaklah dibuat mengikut prosedur yang sedia ada dengan menggunakan resit sebagai bukti pembayaran. Bagi pegawai yang menduduki peperiksaan kali kedua atau seterusnya, yuran peperiksaan hendaklah ditanggung sendiri oleh pegawai berkenaan.

6. Syarat kelulusan dan kelayakan bagi tujuan pelantikan ke jawatan baharu sebagaimana ditetapkan mengikut Skim Perkhidmatan masing-masing yang telah diterima pakai adalah kekal dilaksanakan. Manakala syarat-syarat pengesahan dalam perkhidmatan seperti dinyatakan dalam Surat Pekeliling Pentadbiran Bil. 6 tahun 2006 juga dikekalkan.

TARIKH KUATKUASA

7. Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa bagi pelantikan staf mulai 1 Januari 2010.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,


(HAJJ MUSTAFA BIN IBRAHIM)
PENDAFTAR

Tarikh : 24 Mac 2010

Edaran Kepada.:

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan

Semua Pengarah / Ketua Jabatan

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)